

Perbuatan Arqam tetap didedah

GENTING HIGHLANDS 28 Ogos. — Kerajaan tetap akan mendedahkan segala penyelewengan yang dilakukan oleh Ketua Al-Arqam, Ashaari Muhammad jika beliau masih lagi melakukan perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Dr. Mahathir berkata, jika Ashaari masih cuba hendak memperkembangkan kepercayaan yang bertentangan dengan Islam tindakan akan diambil ke atasnya mengikut undang-undang negara ini apabila beliau pulang kelak.

"Kalau balik kita terpaksa soal dia (Ashaari)...kalau dia masih cuba hendak mengembangkan kepercayaan bahawa dia ada sifat-sifat Tuhan, bercakap dengan Nabi...kita akan mendedahkan semua ini dan kita akan ambil tindakan mengikut peraturan dan undang-undang yang ada di negara ini," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang Karnival Equestrian Merdeka kali ke-3 di sini, hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas mengenai sikap ahli-ahli Al-Arqam yang masih lagi enggan mematuhi keputusan Kementerian Dalam Negeri (KDN) supaya menurunkan logo dan lambang pergerakan itu.

Diminta mengulas lebih lanjut perkara itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak mahu menahan pengikut-pengikut pertubuhan itu.

"Kita tak hendak ta-

han...kita hendak jelaskan kerana pengikutnya tidak penting yang penting ialah pemimpin-pemimpinnya yang masih berdegil...mereka juga kita akan jelaskan tentang kenapa tindakan perlu diambil," katanya.

Perdana Menteri berkata, tindakan yang dilakukan kerajaan sekarang ialah bertujuan untuk mengelakkan daripada kekeliruan berkenaan agama oleh orang lain dan supaya rakyat faham kenapa tindakan diambil.

"Kita tidak mahu rakyat menyangka bahawa kita sengaja hendak menekan kumpulan dakwah, mereka (Al-Arqam) mendakwa bahawa mereka adalah kumpulan dakwah," katanya.

Kekeliruan

Dr. Mahathir juga kesal dengan sikap sesetengah pihak yang sengaja pergi ke kampung-kampung dan menceritakan bahawa kerajaan hendak menghalang dakwah Islamiah.

"Ini tidak benar sama sekali kita tidak mahu rakyat keliru...kita tidak mahu akibat kekeliruan ini mereka akan menganggap tindakan kerajaan sebagai tidak sah dan tidak mengikut undang-undang," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan memerlukan masa bagi menukarkan fahaman di kalangan pengikut Arqam.

"Ini soal agama apabila seseorang sudah percaya kepada sesuatu fahaman agak sukar bagi kita begitu sahaja hendak menukarkan fahaman, oleh itu kita harus mengambil sedikit," katanya.